

**Mengukur Tahap Ketahanan Diri Mahasiswa B40 Dalam Kalangan Pelajar Universiti
(Measuring resiliency in B40 among university students)**

FAUZIAH IBRAHIM*, NAZIRAH HASSAN & WERDI WERDANA AGUS SALIM

ABSTRAK

Ketahanan diri merupakan aspek penting untuk melahirkan mahasiswa B40 yang bukan sahaja berilmu dan berakhhlak mulia malah mampu menyesuaikan diri untuk berhadapan dengan tekanan dan melawan pengaruh yang menghalang kepada kemajuan diri. Oleh itu, artikel ini disediakan bertujuan untuk mengenalpasti tahap ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa B40 yang sedang mengikuti pengajian di UKM. Kajian dijalankan dengan menggunakan reka bentuk tinjauan keratan-lintang (cross-sectional survei) secara kuantitatif. Seramai 100 orang mahasiswa B40 yang sedang mengikuti pengajian di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan telah dipilih sebagai responden kajian. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan ujian deskriptif. Analisis deskriptif kajian menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa B40 yang terlibat dalam kajian ini menunjukkan tahap ketahanan diri yang tinggi (63 peratus) ke tahap yang sederhana (37 peratus). Hasil kajian memberi implikasi positif kepada pihak-pihak yang berkepentingan khasnya pihak pengurusan tertinggi universiti dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan untuk meneruskan lebih banyak program-program yang menyumbang kepada pemantapan dan ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa B40.

Kata kunci: ketahanan diri, mahasiswa B40, universiti, FSSK

ABSTRACT

Resilience is an important aspect for B40 students to pursue knowledge and to maintain positive attitude and also being resilient helps students to cope with stress and to overcome obstacles to success. Therefore, this article aims to identify levels of resilience among B40 students currently enrolled at the UKM. The study was carried out using a quantitative cross-sectional survey. A total of 100 B40 students from the Faculty of Social Sciences and Humanities were selected to participate in the study. Data were analyzed using descriptive statistics. Results for descriptive statistics reveal that the majority of B40 students reported high levels of resilience (63 percent) and the rest reported moderate levels of resilience (37 percent). Findings of this study make contribution to stakeholders, especially the top management of the university and the Faculty of Social Sciences and Humanities, so as to continue in empowering B40 students by building up their resiliency through programs.

Keywords: resilience, B40 student, university, FSSK

PENGENALAN

Peningkatan kes jenayah yang membabitkan pelajar dan mahasiswa seperti buli, peras ugut, seks bebas, rogol dan penyalahgunaan dadah telah membimbangkan seluruh rakyat dan masyarakat di Malaysia (Mazlili 2013). Justeru, aspek ketahanan diri yang kukuh dalam kalangan mahasiswa wajar diberikan perhatian bagi mempersiapkan diri mereka untuk menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan sama ada sepanjang meneruskan pengajian di dalam kampus maupun meneruskan kehidupan disekeliling mereka yang penuh dengan dugaan dan rintangan kehidupan. Ini kerana generasi muda khasnya mahasiswa yang sedang melanjutkan pengajian di kampus tidak terlepas daripada berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran yang menguji kemampuan dan ketahanan diri mereka (Zainah et al. 2013; Jamie 2011). Mahasiswa khasnya mereka yang dikelompokkan dalam kumpulan B40 harus mengalami anjakan paradigma dengan pemupukan ciri-ciri yang mampu memperkuatkan daya tahan mereka. Jati diri yang kuat dan kukuh mampu membantu mereka membina benteng pertahanan diri daripada pelbagai unsur yang tidak sihat dan menjelaskan kehidupan mereka sebagai mahasiswa terutamanya yang bakal menempuh alam kerjaya yang kian mencabar. Oleh itu, dalam mengharungi segala kepayahan yang dilalui sepanjang kehidupan, aspek daya tahan seseorang individu sangat diperlukan (Agaibi dan Wilson 2005). Ketahanan diri yang mantap diyakini mampu menjadikan mahasiswa B40 bangkit melawan kesukaran atau kepayahan yang mereka alami sepanjang menempuh alam remaja yang begitu mencabar kerana mereka ini tergolong dalam kumpulan B40 iaitu mereka yang dilahirkan dalam kumpulan keluarga yang mempunyai pendapatan isirumah yang rendah. Comstock (2005) menyatakan bahawa individu yang mempunyai daya tahan tinggi merupakan seseorang yang menunjukkan kualiti dalaman yang baik sehingga dapat membantu mereka mencapai kejayaan walaupun terpaksa mengharungi pelbagai rintangan dan halangan. Manakala Siebert (2005) pula menyatakan bahawa ketahanan diri sebagai kebangkitan semula seseorang individu daripada kehidupan yang sukar. Seseorang individu yang mempunyai daya tahan yang baik kebiasanya bijak menangani masalah yang dihadapinya dengan menggunakan mekanisme penyelesaian yang terbaik.

Di universiti, mahasiswa kebanyakannya bukan sahaja berhadapan dan tekanan pembelajaran tetapi juga terpaksa berhadapan dengan daya saing yang tinggi dalam memenuhi tuntutan dunia pekerjaan (Diani, Amira & Farhana 2017). Ketahanan diri

yang lemah dan rapuh akan memberikan implikasi negatif terhadap perkembangan diri mahasiswa. Ini kerana mahasiswa yang kurang mempunyai ketahanan diri dilihat cenderung untuk berfikir dan bertingkah laku dengan cara yang salah (Noran Fauziah et al. 2009). Pemikiran dan tingkah laku yang terpesong ini mendorong mahasiswa untuk melakukan tindakan yang tidak rasional dan mencabar ketahanan diri mereka lantas terjebak dengan gejala berisiko. Kajian yang dijalankan oleh Ezhar, Jusang, Zamre dan Mohammad Rezal (2008) terhadap 397 orang belia yang tinggal di kawasan Perumahan Rakyat (PPR) Kuala Lumpur mendapati budaya lepak, keluar sehingga larut malam dan merokok adalah tiga masalah sosial teratas yang sering dikaitkan dengan golongan muda yang terdiri daripada keluarga berpendapatan rendah di bandar. Faktor rakan sebaya merupakan faktor yang mendorong mereka terjebak dengan gejala sosial yang membimbangkan. Manakala kajian yang dijalankan oleh Hasan (2004) terhadap banduan pesalah muda yang ditempatkan di Pusat Pemulihan Akhlak di Pantai Timur untuk mengenalpasti perkaitan taraf ekonomi keluarga dengan perlakuan jenayah mendapati majoriti pesalah yang ditahan dan telah dikenalpasti terlibat dengan kes juvana terdiri daripada mereka yang mempunyai ibu bapa yang berpendapatan kurang daripada RM1000 sebulan. Pendapatan isirumah keluarga yang rendah serta bilangan ahli tanggungan yang ramai telah mewujudkan suasana yang tidak selesa dalam kalangan penghuninya, terutama bagi rumah yang sempit. Keadaan ini telah memberi implikasi tekanan perasaan atau pemberontakan jiwa sehingga mendorong mereka untuk lebih gemar berada di luar premis kediaman berbanding berada di rumah mereka sendiri. Keadaan ini telah menjadi punca kepada berlakunya gejala sosial yang membimbangkan dalam kalangan mereka. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa belia yang mempunyai latarbelakang keluarga yang berpendapatan rendah atau dikenali sebagai B40 dilihat lebih berisiko tinggi untuk terdedah dan seterusnya terjebak dengan gejala sosial. Justeru aspek ketahanan diri mereka khasnya yang telah berjaya meneruskan pengajian di menara gading perlu diberikan perhatian kerana tidak banyak kajian yang memberi tumpuan terhadap aspek diri mahasiswa B40 berbanding mahasiswa yang lain. Langkah-langkah segera dan proaktif dapat dilaksanakan sekiranya pihak pentadbiran universiti dapat mengenalpasti kelemahan aspek diri mereka dan seterusnya membantu menyediakan program-program pembangunan pelajar yang berkesan untuk membantu meningkatkan ketahanan diri mereka dan menambahbaik pencapaian akademik, kepimpinan dan sahsiah diri.

Terdapat juga kajian berkaitan dengan ketahanan

diri mahasiswa yang telah dijalankan oleh Irmohizam & Muhammad (2016) terhadap 520 orang pelajar. Namun kajian yang dilakukan oleh mereka dilihat lebih memfokus kepada ketahanan diri pelajar secara umum di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia dan perbandingan dengan pelajar di luar negara. Hasil kajian yang dijalankan oleh mereka mendapat terdapat sebilangan pelajar IPTA masih menunjukkan sikap disiplin diri yang perlu dipertingkatkan kerana masih terdapat dalam kalangan pelajar yang gemar ponteng ke kuliah, merokok dan berpakaian kurang kemas ketika hadir ke sesi perkuliahan. Dapatkan kajian mereka juga menunjukkan bahawa pelajar IPTA mempunyai daya tahan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar di IPT luar negara. Manakala kajian yang dijalankan oleh Norasmah, Khairul dan Hariyati (2015) terhadap 1910 orang pelajar sarjana muda di 15 buah IPTA dan 16 buah IPTS mendapat pelajar IPT di Semenanjung Malaysia secara amnya masih tidak memiliki daya saing yang mantap seperti mana yang disarankan oleh Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara serta dilihat belum bersedia untuk berdepan dengan cabaran arus globalisasi secara kompetitif. Siti Hajar dan Yahya (2016) pula menjalankan kajian berkaitan dengan ketahanan diri pelajar. Namun sampel yang terlibat dalam kajian berkenaan hanya memfokus kepada 376 orang pelajar tingkatan enam yang sedang mengambil Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) di Sekolah Menengah Kebangsaan jenis harian. Hasil kajian yang dilaksanakan oleh mereka mendapat majoriti pelajar menunjukkan tahap ketahanan diri pada tahap yang sederhana (51.8 peratus) ke tahap yang tinggi (47.1 peratus). Pelajar perempuan dikenalpasti menunjukkan ketahanan diri yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki yang dilihat lebih banyak terlibat dengan pelbagai masalah tingkah laku di sekolah.

Memandangkan hampir tiada kajian ketahanan diri yang memberi tumpuan kepada mahasiswa B40 yang sedang melanjutkan pengajian di IPT dan mengambilkira aspek ketahanan diri sebagai perkara penting ke arah melahirkan mahasiswa B40 yang mampu menyesuaikan diri untuk berhadapan dengan tekanan dan berupaya mengadaptasi kehidupan secara positif, maka kajian ini dilakukan bertujuan untuk

mengukur tahap ketahanan diri mahasiswa B40 yang sedang melanjutkan pengajian di FSSK, UKM. Hasil kajian diharap dapat membantu pihak pengurusan tertinggi universiti untuk merancang, membangunkan dan menambahbaik program-program yang dilihat relevan untuk membantu memperkasa ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa dan seterusnya membantu pihak universiti dalam menjayakan bidang keberhasilan utama UKM untuk menjadikan graduan beraspirasi kebangsaan, kompeten, inovatif dan berdaya saing bagi memenuhi keperluan negara dan masyarakat sejagat.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini berbentuk survei dengan menggunakan tinjauan keratan-lintang secara kuantitatif. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan ujian deskriptif. Penganalisaan data telah dilakukan dengan menggunakan ‘Statistical Package for the Social Science for Windows’ (SPSS for Windows). Alat ujian The Resilience Scale (TSR) yang dibina oleh Wagnild & Young (1990) digunakan dalam kajian untuk mengenalpasti ketahanan diri mahasiswa B40. Nilai kebolehpercayaan skala ini adalah tinggi iaitu 0.891. Likert empat skala digunakan dan pilihan-pilihannya disusun mengikut kesesuaian iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) setuju dan (4) sangat setuju. Dalam kajian ini, skor minimum adalah 1 dan skor maksimum adalah 4. Julat antara skor 1 dan skor 4 adalah 3. Julat ini kemudiannya telah dibahagi 3 dan menghasilkan 1. Berdasarkan julat tersebut, tahap ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa B40 telah dikategorikan kepada tiga tahap seperti Jadual 1 berikut.

Analisis deskriptif

Analisis deskriptif merupakan statistik yang digunakan untuk menghuraikan ciri-ciri variabel (Chua 2012). Analisis deskriptif seperti frekuensi, min, peratusan dan sisihan piawai digunakan dalam kajian ini mencapai objektif kajian iaitu mengukur tahap ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa B40 di UKM.

JADUAL 1. Jadual interpretasi tahap ketahanan diri mahasiswa B40

Skor tahap	Interpretasi tahap
< 2.00	Tahap rendah
2.01 – 3.00	Tahap sederhana
3.01- 4.00	Tahap Tinggi

Populasi dan sampel kajian

Dalam kajian ini, populasi kajian merujuk kepada mahasiswa B40 yang sedang mengikuti pengajian di program Kerja Sosial, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Jumlah sampel yang terlibat dalam kajian ini adalah sejumlah 100 orang mahasiswa B40 yang dipilih secara rawak dan bertujuan. Mahasiswa B40 merujuk kepada mahasiswa yang mempunyai pendapatan isi rumah keluarga tidak melebihi RM3800 sebulan.

Proses Pengumpulan Borang Soal Selidik

Proses pengumpulan data kajian ketahanan diri mahasiswa B40 dimulakan dengan memohon kebenaran daripada Pengerusi Pusat Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat, FSSK, UKM. Setelah kelulusan diperoleh daripada Pengerusi Pusat, pengkaji telah menghubungi dan menetapkan tarikh temujanji dengan wakil mahasiswa daripada Program Kerja Sosial yang terdiri daripada tahun satu, dua dan tiga bagi memudahkan urusan pengedaran borang soal selidik dijalankan dengan bantuan mereka. Pengedaran borang soalselidik dilakukan di dalam bilik kuliah mengikut tahun pengajian dan setelah selesai sesi kuliah dijalankan. Penyelidik mengedarkan borang soal selidik kepada semua pelajar yang telah bersetuju untuk terlibat dalam kajian dan dikenalpasti sebagai B40 iaitu mereka yang mempunyai pendapatan isi rumah keluarga tidak melebihi RM3800 sebulan. Dalam masa yang sama, pengkaji juga bertindak mengawasi responden sewaktu mereka menjawab soal selidik bagi membolehkan mereka bertanya sekiranya terdapat soalan-soalan yang masih tidak difahami. Bagi mendapatkan jumlah borang soal selidik yang tepat, penyelidik telah memeriksa setiap helaian pada borang soal selidik sewaktu pengutipan borang soalselidik dijalankan. Ia bertujuan memastikan responden mengisi borang soal selidik dengan sempurna dan lengkap. Sekiranya terdapat mana-mana borang yang didapati tidak diisi dengan lengkap, penyelidik telah memulangkan semula kepada responden dan memastikan mereka menjawab soalan yang tercicir. Melalui usaha ini penyelidik telah memperoleh jumlah sampel yang diperlukan iaitu seramai 100 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa B40.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Profil Mahasiswa B40: Hasil kajian mendapati majoriti mahasiswa B40 yang terlibat dalam kajian ini terdiri

daripada mereka yang berumur 22-23 tahun (82%), berbangsa Melayu (97%), memperoleh pencapaian CGPA yang baik iaitu 3.00 ke atas (91%) dan kini majoritinya berada dalam tahun pengajian akhir (tahun 3) iaitu sejumlah 77%. Kesemua mahasiswa B40 yang terlibat dalam kajian ini mempunyai pendapatan isi rumah keluarga sebanyak RM3100 sebulan dan dikategorikan sebagai kumpulan B40. Berdasarkan aspek pendidikan ibu dan bapa mereka, kajian mendapati sejumlah 49% dan 57% ibu dan bapa mahasiswa B40 mempunyai tahap kelayakan pendidikan pada tahap SRP dan SPM sahaja. Kajian menunjukkan sejumlah 72% dalam kalangan ibu mahasiswa B40 adalah terdiri daripada mereka yang tidak bekerja manakala sejumlah 81% bapa mereka mempunyai pekerjaan tetap. Kajian juga menunjukkan sejumlah 79% dalam kalangan mereka mengakui bahawa ibu dan bapa mereka masih tinggal bersama dan selebihnya mengakui bahawa ibu bapa mereka telah bercerai (5%) dan telah berpisah (6%). Jadual 2 menunjukkan ringkasan profil mahasiswa B40 mahasiswa FSSK, UKM.

Ketahanan Diri Mahasiswa B40

Kajian berkaitan dengan ketahanan diri mahasiswa B40 merupakan aspek penting kerana ia dapat membantu mengenalpasti secara terperinci aspek ketahanan diri mahasiswa B40 dan dapat menyediakan mereka dengan aktiviti yang boleh membantu memperkasa diri mereka. Menurut Masten & Reed (2005) ketahanan diri merupakan suatu kekuatan dalam seseorang individu yang membolehkan mereka untuk mengadaptasi kehidupan secara positif. Dalam kajian ini ketahanan diri merujuk kepada daya tahan dan sifat kental mahasiswa B40 seperti daya tahan kekuatan diri, daya tahan mengurus diri, emosi dan optimis sepanjang menjalani pengajian di FSSK, UKM.

Jadual 3 menunjukkan tahap ketahanan diri mahasiswa B40 yang terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati majoriti mahasiswa B40 iaitu sejumlah 63 peratus menunjukkan tahap ketahanan diri yang tinggi. Manakala selebihnya menunjukkan tahap ketahanan diri yang sederhana (37 peratus). Hasil kajian mencatatkan tiada seorang pun mahasiswa B40 yang menunjukkan ketahanan diri yang rendah dan keadaan ini memberi gambaran yang positif dari aspek ketahanan diri mahasiswa B40.

Secara terperinci kajian mendapati bahawa sejumlah 88 peratus dalam kalangan mahasiswa B40 mengakui bahawa apabila mereka membuat sesuatu perancangan, mereka mampu melaksanakannya (item1). Kajian juga mendapati sejumlah 93 peratus mahasiswa B40 berupaya mengurus sesuatu perkara dengan

pelbagai cara (item2), mampu berdikari (91 peratus-item3), boleh mengekalkan minat terhadap sesuatu perkara (95 peratus – item4) dan mampu berdikari sekiranya berhadapan dengan keadaan yang terpaksa (92 peratus-item5).

JADUAL 2. Taburan Profil Mahasiswa B40 FSSK, UKM

Profil Mahasiswa B40	(n=100)	Peratus (%)
Umur		
20 – 21 Tahun	11	11
22 – 23 Tahun	82	82
24 – 26 Tahun	7	7
Etnik	97	97
Melayu	0	0
Cina	1	1
India	2	2
Lain-lain		
Nilai CGPA Terkini		
2.50 dan kebawah	0	0
2.51 – 3.00	9	9
3.01 – 3.50	56	56
3.51 – 4.00	35	35
Tahun Pengajian		
Tahun Satu	11	11
Tahun Dua	12	12
Tahun Tiga	77	77
Pendapatan Isi Rumah Keluarga (Sebulan)		
RM 800 dan kebawah	12	12
RM 801 – RM 1500	27	27
RM 1501 – RM 2300	25	25
RM 2301 – RM 3100	29	29
RM 3101 – RM 3860	7	7
Taraf Pendidikan Ibu		
Tidak Bersekolah	1	1
Sekolah Rendah	16	16
SRP / PMR	20	20
SPM	37	37
STPM	12	12
Sijil Kemahiran	3	3
Diploma	5	5
Ijazah	5	5
Lain-lain	1	1

Taraf Pendidikan Bapa		
Tidak Bersekolah	3	3
Sekolah Rendah	13	13
SRP / PMR	21	21
SPM	36	36
STPM	12	12
Sijil Kemahiran	6	6
Diploma	5	5
Ijazah	4	4
Lain-lain	0	0
Pekerjaan Ibu		
Tidak bekerja	72	72
Kerja Tetap	18	18
Kerja Sambilan	0	0
Lain-lain	10	10
Pekerjaan Bapa		
Tidak bekerja	19	19
Kerja Tetap	49	49
Kerja Sambilan	7	7
Lain-lain	25	25
Status Perkahwinan		
Bercerai	5	5
Berpisah Tetapi Tidak Bercerai	6	6
Tinggal Bersama	79	79
Lain-lain	10	10

JADUAL 3. Tahap Ketahanan Diri Mahasiswa B40

Tahap	n = 100	Peratus (%)
Rendah	0	0
Sederhana	37	37
Tinggi	63	63
Jumlah	100	100

Nota: (<2.00 : tahap rendah, 2.00-3.01: tahap sederhana, 3.01-4.00: tahap tinggi)

Kajian ini juga menunjukkan 81 peratus mahasiswa B40 berasa bangga terhadap diri mereka kerana telah mencapai pelbagai perkara dalam hidup (87 peratus – item6), boleh menenangkan diri dan bersikap terbuka sekiranya timbul sesuatu masalah yang dihadapi dalam kehidupan (90 peratus-item7), menganggap diri mereka seperti sahabat (78 peratus-item8), mampu mengendalikan banyak perkara dalam

satu masa (69 peratus –item9) dan mengakui bahawa mereka merupakan seorang yang mempunyai keazaman yang tinggi (89 peratus-item10).

Mahasiswa B40 yang sedang mengikuti pengajian di UKM ini juga majoritinya mengakui bahawa mereka mampu mengharungi kehidupan walaupun sukar (98 peratus –item12), mempunyai disiplin diri (88 peratus-item14) dan dikenalpasti

seorang yang menunjukkan minat dalam pelbagai perkara (87 peratus-item 15). Mereka juga dilihat boleh berjenaka walaupun berada dalam keadaan tertekan (88 peratus-item16), mempunyai kepercayaan diri yang tinggi dan membolehkan mereka melalui keadaan yang sukar (97 peratus-item17). Selain itu, kajian juga mendapati bahawa majoriti mahasiswa B40 mengakui bahawa mereka seorang yang boleh diharapkan sekiranya berlaku keadaan kecemasan (89 peratus-item18) dan berupaya melihat sesuatu situasi dalam pelbagai cara (90 peratus-item 19). Perkara yang mampu mengukuhkan ketahanan diri mahasiswa B40 adalah mereka ini majoritinya menganggap kehidupan mereka sebagai suatu yang bermakna (95 peratus-21), mampu mencari jalan keluar apabila berhadapn dengan situasi yg mencabar (96 peratus- item22), tidak kisah sekiranya orang lain tidak menyukai diri mereka(95 peratus- item 23) dan menganggap diri mereka sebagai seorang yang bertenaga untuk melakukan apa yang mereka hendak lakukan (92 peratus-item 24).

Walaupun secara keseluruhannya kajian mendapati majoriti mahasiswa B40 menunjukkan ketahanan diri yang baik, namun terdapat beberapa aspek yang perlu diberikan perhatian. Ini kerana kajian mendapati sejumlah 63 peratus dalam kalangan mahasiswa B40 mengakui bahawa mereka jarang mempersoalkan tujuan tentang sesuatu perkara itu berlaku (item 11). Keadaan ini menggambarkan bahawa mahasiswa B40 hanya mengikuti sahaja sesuatu perkara yang berlaku tanpa memperoleh dan mendapatkan maklumat menyeluruh. Keadaan ini sekiranya tidak ditangani berupaya mendedahkan diri mereka dengan perkara yang berisiko tinggi untuk terjebak dengan aktiviti yang tidak sihat sehingga menjejaskan kehidupan dan masa hadapan mereka. Kajian ini juga mendapati, sejumlah 89 peratus dalam kalangan mahasiswa B40 mengakui bahawa kadang kala mereka memaksa diri untuk melakukan sesuatu perkara walaupun mereka tidak menyukainya (item 20).

JADUAL 4. Peratus ketahanan diri mahasiswa B40

Bil	Pernyataan	Sangat	Tidak	Setuju	Tidak	Setuju	Setuju	Sangat	Setuju
Peratus(%)/ Bilangan									
1.	Apabila saya membuat perancangan, saya mengikut perancangan tersebut.	1	11	65	23				
2.	Selalu boleh mengurus sesuatu dengan pelbagai cara.	0	7	68	25				
3.	Saya boleh berdikari daripada bergantung pada orang lain.	0	9	51	40				
4.	Mengekalkan minat terhadap sesuatu adalah penting bagi diri saya.	0	5	58	37				
5.	Saya boleh berdikari sekiranya terpaksa.	2	6	54	38				
6.	Saya berasa bangga kerana telah mencapai pelbagai perkara dalam hidup.	0	13	51	36				
7.	Saya boleh menenangkan diri dan bersikap terbuka sekiranya timbul sesuatu masalah.	1	9	54	36				
8.	Saya bersahabat dengan diri sendiri	4	18	46	32				
9.	Saya mampu mengendalikan banyak perkara dalam satu masa.	8	23	47	22				
10.	Saya seorang yang mempunyai keazaman tinggi	0	11	51	38				
11.	Saya jarang mempersoalkan tujuan tentang sesuatu perkara itu berlaku.	5	32	44	19				
12.	Saya mengharungi kehidupan walaupun sukar.	0	2	56	42				
13.	Saya boleh mengharungi masa-masa yang sukar kerana pernah mengalaminya sebelum ini.	1	6	50	43				
14.	Saya seorang yang mempunyai disiplin diri.	0	12	63	25				
15.	Saya mempunyai minat dalam pelbagai perkara	1	12	61	26				
16.	Saya boleh jenaka walaupun saya berada dalam keadaan tertekan.	3	9	44	44				
17.	Kepercayaan kepada diri sendiri membolehkan saya melalui masa sukar.	1	2	56	41				

18.	Ketika berlaku kecemasan, saya orang yang boleh diharapkan.	1	10	63	26
19.	Saya boleh melihat sesuatu situasi dalam pelbagai cara.	1	9	56	34
20.	Kadang-kala saya memaksa diri melakukan sesuatu sama ada saya ingin atau tidak melakukannya.	0	11	57	32
21.	Hidup saya bermakna.	1	4	38	57
22.	Apabila berada dalam situasi yang sukar, saya biasanya dapat mencari jalan keluar.	0	4	58	38
23.	Tidak mengapa jika ada orang yang tidak menyukai saya.	1	4	47	48
24.	Saya mempunyai tenaga yang mencukupi untuk melakukan apa yang hendak saya lakukan.	0	8	45	47

KESIMPULAN

Secara kesimpulan kajian menunjukkan bahawa usaha yang dilakukan oleh pihak pentadbiran universiti untuk melahirkan mahasiswa yang cemerlang daripada aspek akademik dan dalam masa yang sama mempunyai ketahanan diri yang kukuh dilihat berjaya. Ini kerana kajian menunjukkan tahap ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa B40 yang sedang mengikuti pengajian di FSSK adalah tinggi dan memuaskan. Keadaan ini mengambarkan bahawa mahasiswa B40 dilihat mampu menangani cabaran dan keluar daripada masalah walaupun berhadapan dengan situasi dan keadaan yang sukar. Walaupun kajian mendapati secara keseluruhan tahap ketahanan diri mahasiswa B40 adalah baik namun beberapa aspek untuk memperkasa ketahanan diri mereka adalah diperlukan. Oleh itu adalah dicadangkan supaya pihak pentadbiran universiti khasnya pihak pengurusan fakulti yang mengendalikan mahasiswa B40 di FSSK untuk menyediakan lebih banyak program-program kepimpinan untuk melahirkan sifat dan jatidiri yang berani dalam kalangan mereka dalam menyuarakan sesuatu pandangan. Program berbentuk kesukarelawanan juga perlu diterapkan dalam tugas yang dilakukan melalui kursus-kursus yang mereka ikuti di fakulti bagi melahirkan sikap dan semangat sukarela yang tinggi dalam kalangan mereka. Ketahanan diri yang mantap membantu menukar persepsi awam terhadap mereka yang tergolong dalam kumpulan B40 yang sering dikaitkan dengan keterlibatan aktiviti dan masalah sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Hasil kajian memberi implikasi positif kepada pihak-pihak yang berkepentingan khasnya pihak pengurusan tertinggi universiti dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan untuk meneruskan lebih banyak program-program yang menyumbang kepada pemantapan dan ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa B40.

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan ditujukan kepada mahasiswa B40 yang sedang melanjutkan pengajian di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dan telah memberikan kerjasama yang sangat baik untuk menjayakan kajian ini.

RUJUKAN

- Agaibi, Christine. E. and Wilson, John. P. 2005. Trauma, PTSD and Resilience: A review of the literature. *Trauma Violence Abuse*, Vol. 6(3): 195-216. Sage Publications.
- Chua Yan Piaw. 2012. *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Sdn Bhd.
- Comstock, D. 2005. Diversity and development- Critic context that shape our lives and relationship. United Kingdom : Thomson Brooks/Cde.
- Diani Mardiana Mat Zain, Amirah Zainun & Farhana Abdul Razak. 2017. Tekanan Emosi Dalam Kalangan Pelajar Pintar. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Vol(1):108-118
- Ezhar Tamam, Jusang Bolong, Ismail, Zamre Yaacob dan Muhammad Rezal Hamzah. 2008. Faktor penglibatan remaja daripada keluarga berpendapatan rendah di bandar dalam masalah sosial. *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia*. Vol(1): 165-182. ISSN 1985-9422
- Hasan Bahrom. 2004. Remaja, Kemiskinan dan Juvana Suatu Realiti? Prosiding Seminar Antarabangsa Nilai Dalam komuniti Pasca Modernisme. Langkawi: Hotel City Bayview.4-6 September 2004.
- Irmohizam Ibrahim & Muhammad Hussin. 2016. Tahap Daya Tahan dalam Kalangan Pelajar IPTA di Malaysia dan di Luar Negara. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(1):75-85.
- Jamie, M. B. 2011. Psychological Factors Associated with Bullying Typologies in a Mental Health Population of Adolescents. Philadelphia College of Osteopathic Medicine Dissertation, Bolton.
- Mazlili Suhaini. 2013. Sejauh manakah masalah buli

- di kalangan pelajar Kolej Vokasional di Negeri Pahang. UMP.
- Masten, A. & Reed, M. 2002. Resilience in development. In C.R. Synder and S.J. Lopez (eds), *Handbook of Positive Psychology*. NY: Oxford University Press.
- Noran Fauziah Yaakub, Fatimah Haron, & Ahmad Jazimin Jusoh. 2009. Manual Guru: Pencegahan Buli di Sekolah. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn Bhd.
- Norasmah Othman, Khairul Khairiyah Khasbullah & Hariyati Ab Wahid. 2015. Tahap Daya Saing Pelajar Institut Pengajian tinggi di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(2):139-149.
- Siebert, A. 2005. *The Resiliency Advantage*. San Francisco: Berrett- Koehler Publishers, Inc.
- Siti Hajar Kamaruddin, Jamiah Manap, Haslinda Abdullah & Turiman Suandi. 2016. Daya tahan belia : Pengaruh hubungan perapatan dalam institusi kekeluargaan. *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol(2):160-172.
- Zainah Ahmad Zamani, Rohany Nasir, Asmawati Desa, Rozainee Khairudin, Fatimah Yussoff, Siti Hajar Mohamad Yusoff. 2013. Kefungsian keluarga, pengherotan kognitif dan resilien dalam kalangan klien Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC) dan Klinik Cure and Care (C&C). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 27: 137-149.

Fauziah Ibrahim*, Nazirah Hassan & Werdi Werdana Agus Salim
 Pusat Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel : ifauziah@ukm.edu.my

Diserahkan : 20 September 2018
 Diterima : 22 November 2018